

18/03/1998

PM temui eksekutif IT Jerman di Cebit '98

Hizral Tazzif Hisham

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menemui kira-kira 30 ketua eksekutif syarikat teknologi maklumat (IT) Jerman untuk memberi penjelasan terhadap inisiatif Malaysia mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Pertemuan itu yang akan diaturkan oleh gergasi German, Siemens AG akan memberi peluang menemukan PM dengan ketua eksekutif syarikat IT yang mana mereka dapat memperolehi maklumat dan penerangan secukupnya mengenai MSC.

Selain itu, Perdana Menteri turut dijadualkan menyampaikan ucapan di Persidangan Pelaburan MS di Cebit 98, Hannover, German esok anjuran Deutsche Messe AG.

Turut mengiringi Perdana Menteri ialah Presiden Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan Presiden Mimos Bhd, Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Sharifadeen bersama delegasi kerajaan serta swasta.

Beliau juga akan menemui Canselor German, Dr Helmut Kohl dan menerima undangan makan malam yang dianjurkan syarikat telekomunikasi German, Deutsche Telekom.

Perdana Menteri dijangka menghabiskan masa selama tiga hari di pameran Cebit 98 untuk meninjau pelbagai perkembangan pesat teknologi dalam bidang komputer, perisian, multimedia dan telekomunikasi.

Kehadiran PM dalam Cebit 98 dijangka dapat menarik lebih banyak pelaburan syarikat German ke Malaysia. Malaysia adalah rakan dagang German ke 28 terbesar di Asean dengan nilai dagangan DM8.9 bilion.

Sementara itu, delegasi MDC akan melawat kemudahan yang ada di makmal teknologi tinggi, termasuk milik syarikat telekomunikasi Krone AG dan makmal Masa Depan, Deutsche Telekom.

MDC dalam kenyataannya di Kuala Lumpur, minggu lalu, berkata sehingga kini terdapat 200 syarikat daripada Amerika Syarikat, Eropah dan Asia sudah mengemukakan permohonan untuk melabur di dalam MSC.

Daripada 200 syarikat itu, 115 sudah memperolehi pengiktirafan sebagai syarikat berstatus MSC, termasuk gergasi German Siemens AG melalui anak syarikatnya, Siemens Multimedia Sdn Bhd.

Bagi syarikat IT tempatan, 12 syarikat sudah mengesahkan penyertaan mereka dalam Cebit 98. Antaranya ialah TCP Electronics Sdn Bhd, DataStream Technologies, Iris Technologies, Kumpulan Sapura dan BRG Interactive DigitalMedia Sdn Bhd.

(END)